

# Kaedah biometrik atasi isu kerakyatan

Apabila sudah dikenal pasti kita akan minta mereka membuat keputusan yang mana mereka pilih, sebagai (rakyat) Thailand atau Malaysia

ABDULLAH AHMAD BADAWI  
Perdana Menteri

Um - 13/2/2007  
Daripada AZNAN BAKAR

**BANGKOK** 12 Feb. - Malaysia dan Thailand bersetuju menggunakan kaedah biometrik untuk mengatasi isu dua kerakyatan penduduk di sempadan yang diharap dapat membantu menangani konflik di selatan negara ini.

Melalui penggunaan teknologi itu, ia dapat mengatasi masalah pergerakan secara tidak sah rakyat kedua-dua negara di sempadan terutama kumpulan militan yang bertanggungjawab terhadap kekacauan di wilayah berkenaan.

Pemimpin kedua-dua negara yang bertemu di sini hari ini sepakat bahawa, selain isu ekonomi dan pembangunan, masalah dua kerakyatan juga memerlukan penyelesaian segera kerana ia dilihat sebagai satu ancaman kepada keamanan serta kestabilan di selatan Thailand, dan Malaysia sedia bekerjasama untuk mengurangkannya dalam apa juga cara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, antara isu segera yang dibincangkan ialah soal dua kerakyatan dengan Malaysia dan Thailand telah menemui formula mengatasinya melalui teknologi biometrik.

Katanya, berdasarkan pengenalan cap ibu jari, kedua-dua negara akan mengemukakan senarai mereka yang disyaki mempunyai dua kerakyatan untuk dibuat perbandingan.

"Apabila sudah dikenal pasti kita akan minta mereka membuat keputusan yang mana mereka pilih, sebagai (rakyat) Thailand atau Malaysia.

"Kalau mereka mahu kekal sebagai rakyat Thailand tetapi mahu tinggal di Malaysia kita akan beri mereka status penduduk tetap dan Thailand akan melakukan yang sama jika ada rakyat Malaysia mahu tinggal di Thailand.

"Pada saya ini merupakan langkah positif yang boleh kita ambil selepas berbincang selama bertahun-tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama dengan Perdana Menteri Thailand, Surayud Chulanont di sini, hari ini.

Abdullah dalam lawatan rasmi tiga hari ke Thailand bermula semalam. Turut mengiringi beliau, ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Besar Perlis;

Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali.

Selain itu kata Perdana Menteri, Malaysia juga sedia membantu penduduk di selatan Thailand untuk mendapat peluang terutama dalam bidang pendidikan peringkat menengah dan tinggi serta latihan di institut-institut kemahiran di Malaysia.

Dengan kelayakan yang diperoleh katanya, penduduk selatan Thailand boleh pulang untuk mencari pekerjaan yang lebih baik di tempat asal mereka.

"Ini merupakan antara langkah yang boleh diambil (untuk atasi konflik di selatan Thailand) tetapi yang penting kedua-dua pihak kena bersetuju dan saya tidak lihat ada masalah kerana kami ikhlas," katanya.

Sementara itu Surayud berkata, beliau dan Abdullah telah berbincang panjang lebar mengenai isu di selatan negaranya termasuk langkah jangka pendek dan jangka panjang.


## Penyelesaian

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri Abdullah kerana menyentuh mengenai isu dua kerakyatan dan isu pembangunan di kawasan sempadan Malaysia dan Thailand. Kami ada lagi (yang akan dilaksanakan) harap dapat dilakukan dalam masa terdekat," katanya.

Sementara itu dalam reaksi kepada soalan daripada wartawan Thailand, Abdullah berkata, kedua-dua negara bersungguh-sungguh untuk mencari penyelesaian kepada isu di selatan Thailand dan bukar sekadar membuang masa dengan berbincang.

Yang penting katanya, ia harus turut melibatkan penduduk di wilayah berkenaan dan pendekatan terbaik bagi menunjukkan bahawa ada sesuatu untuk mereka ialah melalui pembangunan dalam pelbagai bidang.

Mengenai subjek tentang Islam, Perdana Menteri berkata, Malaysia sedia memberi kerjasama untuk memperkenalkan Islam Hadhari yang boleh memberikan sesuatu untuk keperluan penduduk di wilayah itu tanpa mengancam atau menimbulkan keresahan di kalangan bukan Islam.



RAJA Thailand Raja Bhumipol Adulyadej (kanan) berkenan menerima menghadap Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Vila Chitralada, Istana Dusit di Bangkok, Isnin. Abdullah mengadakan lawatan tiga hari ke Thailand sejak semalam.